



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PELAKSANAAN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA PEMBAYARAN TERBUKA SECARA RASMI BERMULA 29 SEPTEMBER 2023

KUALA LUMPUR, 29 September 2023 – Sejalan dengan kempen MYJalan yang antara lain dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada pengguna jalan raya, sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) telah dilancarkan secara rasmi oleh Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya hari ini bertempat di Plaza Tol Loke Yew, Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA).

SPT merupakan inisiatif Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya ke arah memberi kemudahan kepada pengguna lebuhraya membuat bayaran tol menggunakan kad debit, kad kredit dan kad prabayar yang mempunyai logo MyDebit, Visa atau Mastercard, sekaligus memberi alternatif baharu kepada kaedah pembayaran tol sedia ada menggunakan kad Touch 'n Go, Smart Tag dan *Radio Frequency Identification* (RFID). Lorong SPT telah dibuka kepada pengguna semasa Ujian Rintis Awam secara berperingkat di lebuhraya – lebuhraya terpilih mulai 3 Ogos 2023 bagi menguji kefungsiannya dan keberkesanan sistem.

Oleh itu, bermula 29 September 2023, pengguna kenderaan kelas 1 (kenderaan persendirian) boleh membuat bayaran tol secara SPT di lebuhraya berikut :

- i) Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA);
- ii) Lebuhraya Baru Pantai (NPE);
- iii) Lebuhraya Bertingkat Ampang – Kuala Lumpur (AKLEH);
- iv) Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE);
- v) Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP);
- vi) Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT);
- vii) Lebuhraya Shah Alam (KESAS);
- viii) Sistem Pengurusan Air Banjir dan Terowong (SMART);
- ix) Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX);
- x) Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE); dan
- xi) Lebuhraya Kulim – Butterworth (BKE).

Pelaksanaan SPT di Jambatan Pulau Pinang (JPP) dijangka akan bermula pada penghujung tahun 2023 bagi membolehkan penelitian dan perincian lanjut dibuat oleh syarikat konsesi demi kemudahan pengguna lebuhraya. Pengurusan PLUS Malaysia Berhad telah diminta untuk menyegerakan pelaksanaan SPT ini agar pengguna JPP

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

dapat menggunakannya pada penghujung tahun ini.

KKR/LLM juga ingin menasihatkan pengguna lebuh raya supaya memastikan perkara-perkara berikut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya iaitu:

- Pengguna dikehendaki mengaktifkan 'contactless payment' bagi kad debit/kad kredit/kad prabayar yang akan digunakan;
- Pengguna perlulah memilih lorong yang betul, yang mempunyai logo MyDebit, Visa atau Mastercard pada papan tanda lorong;
- Pengguna dikehendaki memastikan kad yang digunakan adalah sah dan baki kad debit/kad kredit mencukupi sebelum digunakan untuk pembayaran tol;
- Sekiranya transaksi menggunakan kad bank gagal, pengguna hendaklah menggunakan kad bank lain ataupun kad Touch 'n Go yang mempunyai baki mencukupi; dan
- Menyentuh kad pada bahagian yang ditetapkan di terminal SPT yang diletakkan bersebelahan terminal Touch 'n Go bagi memastikan kelancaran pembayaran tol secara SPT.

Menteri Kerja Raya hari ini turut berpeluang merasai pengalaman sendiri dengan memandu dan melalui Lorong SPT. Turut hadir sama adalah Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Pengerusi LLM, Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan) KKR, Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah LLM, Datuk Zakaria bin Ahmad Zabidi, Presiden Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Pn. Wan Salwani binti Wan Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif, Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA).

Kerajaan juga berharap agar SPT yang dilancarkan ini dapat memberi kemudahan kepada pengguna lebuh raya dengan menyediakan pelbagai alternatif baharu pembayaran tol, di samping membantu melancarkan transaksi pembayaran tol sedia ada.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**29 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur